



Dari poly bakal ke NUS bidang jagaan kesihatan

Bukan misi di hospital sahaja, bahkan jaga nenek di rumah

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

SEJAK di bangku sekolah rendah, Cik Syasya Nadya Umairah Suhirwan tertarik pada industri penjagaan kesihatan.

Beliau sering menonton video tentang wanita sedang melahirkan hingga ibu bapanya mempersoal pilihan tontonan anak mereka itu, ujar Cik Syasya sambil ketawa.

Dek minatnya itu, tidak hairanlah beliau, yang sekarang berusia 20 tahun, memilih laluan pendidikan menuju ke industri penjagaan kesihatan.

Dengan Gred Purata Mata (GPA) 3.64, lulusan Politeknik Nanyang (NYP) jurusan sains farmaseutikal itu bakal melanjutkan pengajian ke Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam bidang kejururawatan.

Malah, beliau turut menerima Anugerah Merit Penjagaan Kesihatan (HMA), yang disampaikan dalam majlis penyampaian biasiswa penjagaan kesihatan anjuran MOH Holdings (MOHH) Pte Ltd baru-baru ini.

Semasa dihubungi, Cik Syasya berkata beliau telah banyak mempelajari kemahiran kejururawatan semasa mengikuti modul makmal klinikal semasa di politeknik.

“Saya sedar bahawa apa yang saya pelajari di sekolah sebenarnya dapat digunakan dalam kehidupan harian saya,” katanya, yang membantu menjaga neneknya berusia 80 tahun dan berpenyakit kencing manis dan darah tinggi, di rumah.

Keinginan Cik Syasya berkhidmat dalam industri penjagaan kesihatan semakin mendalam pada 2018 apabila beliau melihat sendiri betapa jururawat di Hospital Besar Singapura (SGH) menjaga ibunya, Cik Noraini Abdul Razak, 50 tahun, setelah melalui pembedahan jantung.

“Amat menyentuh hati melihat betapa baiknya jururawat di situ menjaga ibu saya. Pada awalnya ibu saya memang sangat takut sebelum masuk bilik pembedahan, tapi jururawat di situ membelai rambutnya dan memberitahunya semuanya akan baik-baik sahaja,” ujarnya.

Menemankan ibunya selama seminggu di hospital dan melihat mutu penjagaan yang diberikan kepada oleh kakitangan di situ “antara faktor penyumbang terbesar” yang mendorong beliau memilih bidang kejururawatan, kata Cik Syasya.

Selain itu, pengalamannya jatuh sakit ketika melalui program sukarela di kawasan perkampungan Myanmar ketika di politeknik juga membuka hatinya untuk menabur bakti kepada golongan kurang bernasib baik.

“Saya demam panas ketika itu dan perlu dibawa ke klinik di sana.


“Melihat betapa mereka tak ada alat mencukupi untuk merawat pesakit, memberi saya inspirasi untuk terus membantu orang kurang bernasib baik,” kata beliau.

Seramai 120 biasiswa penjagaan kesihatan dikeluarkan MOHH tahun ini, dengan 73 daripadanya merupakan HMA.

Biasiswa HMA itu, yang merangkumi, antara lain, yuran tuisyen dan elau bulanan, memudahkan lagi perjalanan Cik Syasya menjadi jururawat pertama dalam keluarga beliau.



PENGALAMAN MEMBUKA MATA: Melihat kekurangan alat rawatan di klinik di kawasan perkampungan Myanmar semasa mengikuti sebuah program sukarela membuka mata Cik Syasya untuk menabur bakti dan membantu orang lain. – Foto-foto ihsan SYASYA NADYA UMAIRAH SUHIRWAN



KELUARGA BANYAK MENYOKONG: Cik Syasya (depan) bersama ahli keluarganya – bapa Suhirwan Rahmat, abang Muhd Lutfil Shaqeel, ibu Noraini Abdul Razak, dan adik Anaqy Syabiel El-Matin.



BELAJAR SEBAGAI PELATIH: Cik Syasya berpeluang menggunakan alat bioperubatan ketika melalui latihan amali di Hospital Khoo Teck Puat.